

JENIS-JENIS PEMERDAGANGAN MANUSIA



EKSPLORITASI SEKS

PENDERAAN OLEH MAJIKAN



BURUH PAKSAAN

PAKSAAN MENGEMIS



PENJUALAN ORGAN

PENJUALAN BAYI



PERBEZAAN ANTARA PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN

Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran adalah jenayah yang berbeza. **Pemerdagangan Orang** adalah perbuatan untuk mendapatkan perkhidmatan dengan paksaan, tipu daya atau penyalahgunaan kuasa dan peruntukan undang-undang untuk tujuan **eksploitasi haram** terhadap seseorang.

Manakala **Penyeludupan Migran** pula adalah **pemindahan/ migrasi** seseorang dari sesebuah negara ke negara lain merentasi sempadan dgn **cara tidak sah** dimana seseorang itu mengetahui perkara yg dilakukan

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PEMERDAGANGAN ORANG?

Segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi tujuan eksploitasi. Eksploitasi termasuklah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang merupakan perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

TIGA ELEMEN DALAM JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG

- 1 (ACT)** Perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan.
- 2 (MEANS)** Secara paksaan, penipuan, pemerdayaan, ancaman, penyalahgunaan kuasa, pemberian atau penerimaan bayaran untuk memperoleh kerelaan seseorang.
- 3 (PURPOSE)** Tujuan eksploitasi samada seksual, buruh, pemindahan organ dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Pemerdagangan Orang **BOLEH BERLAKU** kepada sesiapa sahaja samada kepada **WARGANEGARA MALAYSIA** atau **WARGANEGARA ASING**.

BOLEH BERLAKU DI MANA-MANA SAHAJA SAMADA DI BANDAR, LUAR BANDAR ATAU PINGGIRAN BANDAR.

JENAYAH PEMERDAGANGAN MANUSIA

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG?

BAGAIMANA JENAYAH INI BERLAKU?

ADAKAH JENAYAH INI BERLAKU DI MALAYSIA?

KENAPA MANGSA JENAYAH INI PERLU DIBANTU?



BANTUAN ANDA ADALAH PERLU



Pemerdagangan manusia merupakan tindakan yang melanggar Hak Asasi Manusia (Human Rights) yang memberi impak kepada dimensi biologi, psikologi dan sosial individu yang diperdagangkan.

Bantuan anda merupakan tindak balas keadilan yang berkesan kepada mangsa yang diperdagangkan dengan menghukum dan mendidik pelaku kesalahan jenayah. Selain itu, ia juga merupakan salah satu bentuk sokongan dalam pelaksanaan tindakan & usul Konvensyen Membanteras Jenayah Rentas Sempadan atau Konvensyen Palermo untuk mencegah, menyekat dan menghukum pelaku jenayah pemerdagangan orang, terutamanya kepada wanita dan kanak-kanak.



Membanteras perlakuan jenayah demi keselamatan dan kesejahteraan negara serta menjaga imej negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Tindakan anda dapat membantu kerajaan dalam penyediaan perlindungan yang efektif dan mampan untuk membantu mangsa mendapatkan semula autonomi mereka dan di integrasikan semula ke dalam masyarakat dengan menjadi individu yang berdikari dalam kehidupan ekonomi dan sosial.



PERANAN ORANG AWAM DALAM MEMBANTERAS JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG


Peranan aktif orang awam dalam menyalurkan maklumat yang tepat amat diperlukan dalam usaha negara membanteras JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG yang tidak berperikemanusiaan ini.

Tahap kefahaman dan kesedaran orang awam mengenai jenayah ini merupakan antara bidang program yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang. Pelbagai kempen kesedaran telah dan sedang dilaksanakan termasuk melalui media cetak, elektronik dan media sosial.

Tindakan dan kerjasama orang awam dalam **melapor dan membuat aduan** berkenaan jenayah Pemerdagangan Orang dapat membanteras dan mengurangkan pelakuan jenayah ini di Malaysia melalui penguatkuasaan Undang-undang melalui AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN 2007 (AKTA 670)

BERSAMA-SAMA BANTERAS! JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG

BERTINDAK!



MEMBUAT LAPORAN & ADUAN

MAPO HOTLINE: 03- 8000 8000
PIHAK POLIS: 999

HUBUNGI SALURAN BANTUAN:

TALIAN *Kasih*
15999 

Aplikasi Whatsapp
019 26 15999 